



PERUTUSAN
KETUA PENGARAH, PLANMALAYSIA
(JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA)



Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0 ini merupakan satu dokumen yang dihasilkan untuk memberi panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan data geospatial Rancangan Pemajuan (Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan). Manual ini akan menggantikan Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Kajian Rancangan Pemajuan (2009) dan Manual Pengurusan Data Geospatial Kajian Rancangan Pemajuan (2013).

Manual ini dihasilkan selaras dengan penggunaan data geospatial yang semakin meluas. Selain itu, manual ini akan memandu penyediaan data yang seragam dan berkualiti selaras dengan *Malaysian Standard Geographic Informatic* iaitu *Standard MS1759:2015* bagi mengatasi masalah kepelbagaiian format dari pelbagai sumber.

Setelah hampir enam tahun Manual terdahulu digunakan, tren berkaitan maklumat guna tanah perancangan bandar telah mengalami perubahan yang drastik. Justeru itu, Manual ini telah ditambahbaik melibatkan pertambahan klasifikasi guna tanah, kod warna guna tanah, metadata, dan struktur pangkalan data yang terkini. Oleh itu, penerbitan Manual ini diharap bukan sahaja dapat menjadi rujukan utama kepada penyedia Rancangan Pemajuan di PLANMalaysia tetapi dapat membantu memperkayakan pangkalan data geospatial jabatan. Manual ini juga diharap dapat merealisasikan aspirasi PLANMalaysia untuk melaksanakan perkongsian data atau maklumat dengan lebih mudah dan berkesan.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penerbitan manual ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' TPr Haja Rokibah Binti Abdul Latif".

DATO' TPr HAJAH ROKIBAH BINTI ABDUL LATIF
Ketua Pengarah
PLANMalaysia
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)